

04 MAR 2003

OIC-Mesyuarat/I

DR MAHATHIR AKAN KEMUKA INPUT KL UNTUK SIDANG KEMUNCAK OIC

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

DOHA, 4 Mac (Bernama) -- Malaysia akan memberikan input hasil mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) tidak rasmi di Kuala Lumpur minggu lepas pada sidang kemuncak tergepar OIC di sini esok, bagi membincangkan isu Iraq.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka memberi taklimat mengenai mesyuarat tidak rasmi OIC yang berlangsung Rabu lepas, sebaik tamatnya Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM).

Ekoran meningkatnya kebimbangan antarabangsa mengenai kemungkinan Amerika Syarikat menyerang Iraq, Malaysia telah mengusahakan mesyuarat tidak rasmi itu bagi mengambil kesempatan kehadiran ramai pemimpin OIC pada sidang kemuncak NAM.

Mesyuarat itu yang dihadiri 51 anggota OIC, menyuarakan padangan masing-masing bahawa Iraq tidak boleh dicerobohi oleh kuasa asing dan menggesa Baghdad mematuhi sepenuhnya kehendak pelucutan senjata bagi mengelak perang.

Mesyuarat itu turut mengkaji situasi di Palestin -- isu lama yang membimbangkan OIC -- dan bersetuju untuk terus mencari jalan bagi menghentikan pembunuhan rakyat Palestin oleh Israel.

"Dr Mahathir dijangka menyatakan pendirian Malaysia bahawa serangan ke atas Iraq dan ketidakadilan berterusan di Palestin akan menambah kemarahan di kalangan umat Islam," kata pegawai Malaysia.

Perdana Menteri juga dijangka mengetengahkan cadangan khusus yang dikemukakan pada mesyuarat tidak rasmi bagi memperkukuhkan perpaduan dan meningkatkan kredibiliti 57 anggota OIC.

Dr Mahathir juga dijangka menggariskan pendirian Malaysia menentang penggunaan ketenteraan bagi menyelesaikan konflik.

Bagi kes Iraq, Malaysia menentang sebarang bentuk keganasan ke atas negara itu bagi menyelesaikan konflik atau tanpa sokongan Pertubuhan bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Walaupun jumlah pemimpin yang datang ke mesyuarat Doha tidak dapat dipastikan, kehadiran Dr Mahathir jelas membuktikan komitmen Malaysia bagi menyelesaikan isu Iraq dan hal ehwal OIC.

Dr Mahathir memutuskan untuk menangguhkan percutiannya bagi membolehkan beliau hadir pada sidang kemuncak itu. Malaysia akan menjadi tuan rumah sidang kemuncak OIC pada Oktober dan mengambil alih jawatan pengerusi selama tiga penggal daripada Qatar.

Sebagai persiapan sidang kemuncak luar biasa OIC esok, Menteri-mentri Luar Majlis Kerjasama Teluk (GCC) selesai bermesyuarat di sini semalam yang dilaporkan "menyokong penuh" cadangan oleh Emiriah Arab Bersatu (UAE) supaya Presiden Iraq Saddam Hussein melepaskan jawatan dan hidup dalam buangan bagi mengelak serangan yang diketuai Amerika Syarikat ke atas negara itu.

Cadangan itu sebelum ini dibangkitkan oleh Presiden UAE Sheikh Zayed bin Sultan Al Nahyan pada sidang kemuncak Liga Arab di sebuah resort di Laut Merah Mesir, Sharm el-Sheikh, pada hujung minggu.

Berdasarkan laporan media tempatan, UAE, yang bersempadan dengan Qatar, dijangka akan mengulangi cadangan itu pada sidang kemuncak luar biasa OIC.

Menteri Luar UAE Rashid Abdullah Al-Nuaimi dipetik sebagai berkata bahawa langkah itu bertujuan menyelesaikan krisis Iraq secara aman dan tidak wajar dilihat sebagai campur tangan dalam hal ehwal dalaman Iraq.

Dengan Arab Saudi dan UAE di selatan dan Bahrain di barat laut, Qatar

terletak dipertengahan pantai barat teluk Arab.

Kaya dengan minyak dan gas, Qatar mempunyai 600,000 penduduk, 200,000 daripadanya merupakan penduduk tempatan dan selebihnya pekerja asing.

-- BERNAMA

AZZ AZZ MUN LAT